

Headline **Wanita sertai seminar banteras Aids**
 Date **08. Jun 2009** Language **MALAY**
 Media Title **Sinar Harian (Pahang)** Page No **3**
 Section **NEWS** Article Size **56** cm2
 Circulation **60000** Frequency **Daily**
 Readership **0** Color **Full Color**
 AdValue



Wanita sertai seminar banteras Aids

NORMAWATI MUHAMAD KASIM

KUANTAN - Seminar Membanteras Gejala AIDS Wanita Sri Perdana 2009 diadakan bagi memberi maklumat kepada golongan wanita tentang Aids dan cara menangani masalah Aids yang semakin tidak terkawal.

Pengerusi Kelab kebudayaan dan Kesenian Sri Perdana, Mohd Feizul Abillah berkata, seminar ini diharapkan dapat membantu mengelakkan wanita daripada terjebak dengan aktiviti yang tidak berfaedah yang boleh membawa kepada penyakit Aids.

Menurutnya, dengan menyertai seminar itu, ia akan membantu kaum wanita untuk membuka minda menjadi seorang yang berpengetahuan dan berilmu tentang senario yang berlaku pada hari ini.

sangat berfaedah

"Saya berharap seminar ini dapat memberi kesedaran khususnya kepada golongan wanita untuk membentuk sahsiah diri yang kental dan seterusnya membantu kerajaan dalam membanteras gejala Aids.

"Antara tajuk kertas kerja yang dibentangkan ialah Implikasi Gejala Aids Terhadap Wanita, Pendekatan untuk Membanteras Gejala Aids Wanita dan Peranan Masyarakat dalam Mem-

banteras Gejala Aids," katanya semasa berucap di Majlis Penutup Seminar Membanteras Gejala Aids Wanita Sri Perdana 2009, di sini, semalam.

Menurutnya, seminar ini dianjurkan oleh Kelab Kebudayaan dan Kesenian Sri Perdana dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

"Pegawai Kesihatan Epidemiologi, Dr Wan Abdul Rahim Mohamad dan Pengurus Projek, Drugs Intervention Community (DiC), Khalid Hashim dijemput untuk menyampaikan kertas kerja berkaitan topik ini," katanya.

Seorang peserta seminar, Saadiyah Mahdin, 44, berkata, seminar itu sangat berfaedah dan telah menyedarkan dirinya tentang banyak perkara.

"Saya sangat beruntung dapat datang ke seminar ini

Saya berharap seminar ini dapat memberi kesedaran khususnya kepada golongan wanita untuk membentuk sahsiah diri yang kental dan seterusnya membantu kerajaan dalam membanteras gejala Aids.

Mohd Feizul Abillah

kerana sebelum ini banyak maklumat yang saya tidak tahu dapat diketahui pada hari ini. Sekarang, saya sedar bahawa gejala ini semakin hari semakin membimbangkan.

"Sebagai anggota masyarakat, kita harus turut mainkan peranan bagi membanteras gejala ini daripada berterusan dan tidak terkawal," katanya.



● Mohd Feizul Abillah menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta seminar.